

**Jangan tertipu dengan manifesto pembangkang
Utusan Online
18 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR 17 Mac - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan semua rakyat supaya tidak tertipu dengan manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 yang diumumkan pakatan pembangkang baru-baru ini.

Beliau berkata, rakyat harus sedar pakatan pembangkang melalui seorang pemimpin kanannya pernah membuat kenyataan bahawa manifesto pilihan raya bukannya satu perjanjian yang perlu ditunaikan.

Atas sebab itu beliau berkata, banyak janji manifesto yang ditawarkan kepada rakyat terutama di Selangor pada Pilihan Raya Umum 2008 gagal ditunaikan sehingga rakyat membuat beberapa tuntutan di mahkamah.

"Rakyat jangan tertipu dengan janji-janji yang ditawarkan seperti mana yang disebut di dalam manifesto mereka. Yang lama pun tidak tertunai, hendak pula tawarkan yang baharu.

"Rakyat harus ingat bagaimana Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim kata manifesto bukannya janji. Ada ke dia kata bukan janji? Saya minta rakyat sedar dan tidak lagi tertipu dengan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Himpunan Rakyat dan Pelancaran Gelombang Biru Wilayah Persekutuan di hadapan hampir 50,000 ahli parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di Bandar Tun Razak di sini malam ini.

Yang turut hadir isterinya, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek; Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; Presiden PPP, Datuk Seri M. Kayveas dan Timbalan Pengerusi BN Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin dan Pengerusi MIC Wilayah Persekutuan, Datuk M.Saravanan.

Muhyiddin berkata, beliau juga mendapat maklum balas bahawa isi kandungan manifesto itu turut tidak dipersetujui oleh golongan profesional, antaranya ahli-ahli perbankan.

"Mereka kata jika inilah manifesto pembangkang adalah lebih baik sokong BN," kata Muhyiddin.

Dalam pada itu beliau mahu semua jentera BN di Wilayah Persekutuan meningkatkan usaha supaya kawasan-kawasan yang kalah pada Pilihan Raya Umum 2008 berjaya dirampas semula.

"Atas semangat ini saya minta kita gerakkan bersungguh-sungguh semangat gelombang biru ke seluruh pelosok Wilayah Persekutuan," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20130318/po_05/Jangan-tertipu-dengan-manifesto-pembangkang